

NOTIS MAKLUMAN JAWATAN KOSONG PEMBANTU EHWAL EKONOMI (KONTRAK)

RUJ : STIDC.7.HR(PER).06.1
TARIKH : 7 Januari 2020

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong sebagai **Pembantu Ehwal Ekonomi bertaraf Kontrak** di **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) IQS PUSAKA, Merapok, Lawas, Sarawak.**

Butiran lanjut dan syarat-syarat pelantikan adalah seperti berikut: -

1. (a) **Jawatan dan Gred** : **Pembantu Ehwal Ekonomi, Gred E19**
Kekosongan : **Satu (1) jawatan**
Taraf Jawatan : **Kontrak**
Kumpulan Perkhidmatan : **Pelaksana**
Klasifikasi Perkhidmatan : **Ekonomi**
Jadual Gaji : **GAJI MINIMUM–GAJI MAKSIMUM**
RM1,353.00 – RM4,005.00

- (b) **Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E19: RM1,353.00); atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E19: RM1,353.00); atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E19: RM1,409.40); atau
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang

berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E19: RM1,465.80); dan

- v. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- vi. **(Syarat Tambahan:** Keutamaan diberi kepada calon yang berasal dari **Limbang dan Lawas**)

Calon hendaklah terdiri daripada **Warganegara Malaysia** dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup notis jawatan dan berumur kurang 54 tahun pada tarikh lantikan.**

Cara Memohon

Borang Permohonan : **STIDC.7.HR(PER).06.1** boleh didapati di Pos Kawalan Imigresen IQS PUSAKA, Merapok, 98850 Lawas, Sarawak atau dimuat turun di dalam Laman Web www.sarawaktimber.gov.my.

- a) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan gambar berukuran passport, salinan surat beranak, kad pengenalan, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan sijil tamat persekolahan yang telah disahkan.
- b) Semua permohonan hendaklah dialamatkan kepada alamat seperti di bawah;

**PEGAWAI PENYELIA
POS KAWALAN IMIGRESEN IQS PUSAKA
MERAPOK, 98850 LAWAS, SARAWAK**

- c) Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- d) Hanya permohonan yang lengkap serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan disenarai pendek dan pemohon yang dipilih untuk sesi temuduga sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon-pemohon **tidak dihubungi dalam masa tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ini ditutup, maka anggaplah permohonan tersebut **tidak berjaya**.

Tarikh Tutup Permohonan: **14 Januari 2020**